

# Perubahan *Negaraku* hanya melodi

UM - 8 AUG 2003

KUALA LUMPUR 7 Ogos – Perubahan pada lagu *Negaraku* hanya akan melibatkan melodi manakala senikatanya dikekalkan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, keputusan itu diumumkan oleh jemaah menteri baru-baru ini yang mengambil keputusan supaya perubahan hanya dilakukan pada melodinya.

“Pernyataan *Negaraku* pada lirik lagu tersebut dikekalkan, cuma mengubah suai sedikit melodi supaya rentaknya akan lebih menarik dan ia sedang dilakukan oleh beberapa komposer tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempekerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perayaan Ambang Merdeka 2003 di kementeriannya di sini hari ini.

*Utusan Malaysia* pada 29 Julai lalu melaporkan *Negaraku* akan diubah kepada versi baru yang lebih bertenaga dengan sedikit perubahan dalam liriknya.

Walaupun pada dasarnya melodi lagu berkenaan tidak berubah sepenuhnya tetapi versi baru lagu kebangsaan itu akan menyaksikan perubahan pada skor muzik yang lebih bertenaga dan tidak lagi mendatar.

Abdul Kadir memberitahu, perubahan melodi tersebut sedang dilakukan dan mengambil masa antara dua hingga tiga minggu untuk disiapkan dan akan diperdengarkan kepada jemaah menteri sebelum dimainkan ketika perarakan hari Kebangsaan.

Dalam pada itu, katanya, jawatankuasa tersebut menetapkan lima acara penting akan diadakan sempena perayaan bulan Kemerdekaan bermula 17 Ogos sehingga 16 September ini.

Katanya, antara acara tersebut ialah memainkan lagu-lagu patriotik, menanti detik 12 malam, Laungan ‘Merdeka’ sebanyak tujuh kali, upacara menaikkan Jalur Gemilang dan menyanyikan lagu *Negaraku*, *Jalur Gemilang* dan *Keranamu Malaysia*.

Selain itu, katanya, jawatankuasa tersebut bersetuju mengadakan acara khusus sebagai mengenang Jasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan bersara pada Oktober ini.